



SAMBUTAN
ULANG TAHUN
BPR/SPRM KE 51

2

PENUBUHAN
UNIT INTEGRITI
DAN GOVERNANS
(IGU)

3

INTEGRITI
LESTARI

4

**RASUAH DIHINA
MARUAH DIBINA**

DARI MEJA PENGARANG**E-BULETIN BPIA BIL. 4 TAHUN 2018****KANDUNGAN**

Dari Meja Pengarang.....	1
Segmen Khas : Sambutan Ulang tahun BPR/SPRM ke 51 'Rasuah Dihina Maruah Dibina'.....	2
Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU).....	3
Integriti Lestari	
Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM bersama Pegawai SPRM yang ditempatkan di Agensi Luar (MPSAL) Siri 24 Bil. 1 Tahun 2018.....	4
Latihan dan Ujian Senjata Api BPIA Tahun 2018.....	4
Mesyuarat Pemantapan Pegawai Integriti SPRM Tahun 2018.....	5
Lawatan <i>Benchmarking</i> Integriti daripada Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia.....	5
Aktiviti Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia.....	6
Mesej Anti-rasuah di Skrin ATM / <i>Whistleblowing e-form</i> Bank Rakyat.....	6
Aktiviti Integriti FELCRA Berhad.....	7
Tren Balutan Mesej Anti-rasuah.....	7
Integriti Kreatif.....	8

SIDANG REDAKSI E-BULETIN BPIA**PENAUNG**

KPj Dato' Sri Mohd Shukri Bin Abdull

PENASIHAT

TKPj Dato' Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil

KETUA SIDANG PENGARANG

TPj Dato' Junipah Binti Wandu

PENYELARAS

KPKPj Nazli Rasyid bin Hj. Sulong

PENGARANG DAN PRODUKSI

PPj RMalarvili a/p Ramachandran

Puan Nur Baiti Binti Mohd Othman

Puan Mazlina Binti Mohamad

Ps Siti Ashura Binti Mat Hanapiah

Ps Abdul Amidin Bin Abdullah

KPKPs Sharifah Aidah Binti Haji Wan Hadion

e-Buletin BPIA diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM sebagai inisiatif perkongsian maklumat kepada warga BPIA dan Unit Integriti khususnya dan warga SPRM umumnya. Artikel-artikel di dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi dan bukannya dasar atau keputusan rasmi daripada SPRM serta tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Sebarang penyuntingan semula bahan perlu dimaklumkan kepada urus setia untuk kelulusan Pengurusan Tertinggi SPRM. Buletin ini adalah edaran umum dan boleh dimuat turun daripada laman web rasmi SPRM.

Assalamualaikum
WBT dan Salam
Sejahtera,

Syukur kehadiran
Allah SWT kerana
dengan izin-Nya
e-Buletin BPIA

telah melangkah ke tahap seterusnya dalam membangunkan penyebaran maklumat integriti kepada umum.

Sejajar dengan visi YAB Perdana Menteri dalam memastikan urusan pemerintahan kerajaan dilakukan berdasarkan tadbir urus yang baik dan dengan toleransi sifar terhadap rasuah, pengenalan *tagline* terbaru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), '**Rasuah Dihina Maruah Dibina**' telah menyuntik semangat kepada warga SPRM khususnya warga BPIA untuk terus memperkasakan pencegahan rasuah melalui pelbagai inisiatif.

Inisiatif-inisiatif ini termasuk usul Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri dan juga Garis Panduan Pelaksanaan Fungsi IGU.

Edisi e-Buletin ini akan memaparkan usaha dan inisiatif BPIA dan pegawai-pegawai integriti yang ditempatkan di agensi awam dan swasta khususnya dalam mengekang perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti melalui aktiviti-aktiviti pengukuhan integriti serta penambahbaikan sistem dan prosedur di agensi luar.

Integriti sesungguhnya berperanan mendisiplinkan sikap dan tanggungjawab individu agar potensi kerjaya mencapai matlamat sebenar. Justeru diharapkan agar tahun 2019 akan datang lebih mengajar kita untuk sama-sama menegakkan integriti dalam memastikan '**Rasuah Dihina Maruah Dibina!**'

TPj Dato' Junipah Binti Wandu

(Ketua Sidang Pengarang e-Buletin BPIA)



SEGMENT KHAS**SAMBUTAN** ke
ULANGTAHUN
BPR/SPRM **51****RASUAH** **DIHINA**
MARUAH **DIBINA**

Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull
Ketua Pesuruhjaya SPRM

"Semua pegawai SPRM perlu mengembalikan kecemerlangan Malaysia di mata dunia dan menjadikan negara ini bermaruah tanpa rasuah. SPRM juga perlu kekal bebas dalam melaksanakan tanggungjawab mencegah rasuah dan salah guna kuasa dengan penuh profesionalisme dan telus"

Bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-51 Penubuhan Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) / Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Oktober 2018, SPRM telah melancarkan slogan baharu "**Rasuah Dihina Maruah Dibina**".

Slogan baru ini dipilih kerana perlakuan rasuah perlu dilihat hina oleh masyarakat agar martabat, imej dan maruah negara dapat dipulihkan. Melalui sambutan ini Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd. Shukri bin Abdull menggesa semua pegawai SPRM agar mengembalikan kecemerlangan Malaysia di mata dunia dan menjadikan negara ini bermaruah tanpa rasuah. Beliau juga berharap agar SPRM selaku agensi tunggal yang mempunyai mandat undang-undang untuk mencegah rasuah di negara ini juga perlu kekal bebas dalam melaksanakan tanggungjawab mencegah rasuah, salah guna kuasa dengan penuh profesionalisme dan telus.

Diharapkan agar dengan pengenalan slogan baru ini akan menyubur rasa dan menyemai cinta di dalam hati masyarakat Malaysia kepada tanah air dengan terus mendukung usaha SPRM untuk memerangi rasuah agar bangsa dan negara bermaruah dapat dibina.

PENUBUHAN IGU



**GLC DIBERI 2 TAHUN
TUBUH UNIT INTEGRITI
& GOVERNANS (IGU)**
IGU di bawah Lembaga
Pengarah Syarikat, pelaporan
fungsi teras dikawal selia
SPRM - PM

“Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) diberi tempoh dua tahun untuk menubuhkan Unit Integriti dan Governans (IGU) berkuatkuasa daripada tarikh Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018 ditandatangani pada 5 Oktober 2018”; kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan pada 21 November 2018 yang lalu.

Penguatkuasaan ini adalah selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah dan dalam usaha kerajaan untuk memantap serta memperkukuhkan integriti dan governans GLC.

Siri Arahan berkenaan Penubuhan Unit Integriti dan Governans Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies*-GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri ini menggariskan agar IGU diletakkan di bawah Lembaga Pengarah Syarikat, manakala pelaksanaan dan pelaporan fungsi teras dikawal selia Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). IGU juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan empat (4) fungsi teras dalam usaha mengenal pasti dan menangani ruang dan peluang perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti dari terus berlaku di GLC.

FUNGSI 4 IGU



**PENGURUSAN
ADUAN**



**PENGESANAN &
PENGESAHAN**



**PENGUKUHAN
INTEGRITI**



GOVERNANS

INTEGRITI LESTARI

MPSAL SIRI 24 BIL. 1 TAHUN 2018

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM bersama Pegawai SPRM yang ditempatkan di Agensi Luar (MPSAL) Siri 24 Bil. 1 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah diadakan pada 28 Ogos 2018 yang lalu. Mesyuarat yang dihadiri oleh Pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi luar ini telah menjadi platform untuk pnyaluran maklumat dan juga penyelesaian masalah yang dihadapi oleh Unit Integriti dalam menjalankan fungsi-fungsi utama. Beberapa perkara utama telah diputuskan di dalam mesyuarat ini di antaranya ialah Kerajaan telah meluluskan usul penempatan semula pegawai SPRM selaku Ketua Unit Integriti (KUI) di Kementerian/ Jabatan dan juga pewujudan jawatan Penasihat Integriti Menteri (PIM) daripada kalangan pesara SPRM untuk ditempatkan di Kementerian. Pegawai-pegawai integriti juga diingatkan agar sentiasa menjaga disiplin dan imej sebagai pegawai SPRM dalam menjalankan tugas.



BPIA telah menganjurkan Latihan dan Ujian Senjata Api yang diadakan pada 15 Oktober 2018 di Lapang Sasar Mantin Negeri Sembilan. Program yang dihadiri pegawai dan kakitangan BPIA serta Pegawai Integriti (CeIO) ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan senjata api, menjalin hubungan mesra di kalangan pegawai BPIA dan CeIO di samping untuk menerapkan sikap tanggungjawab dan disiplin diri. Latihan ini telah dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Dato' Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan. Pemenang-pemenang mengikut kategori adalah seperti berikut:

LATIHAN DAN UJIAN SENJATA API BPIA TAHUN 2018



Kategori	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga
VIP	YBhg. Dato' A3	PsK Nohardy	KPKPj Ahmad Sabri
Lelaki	PsK Farizal Muzaffar	PsK Mansur	PsK Nohardy
Wanita	PKPs Norrita	PsK Gan Nen Shan	PsK Chin Ching Yuen

INTEGRITI LESTARI

MESYUARAT PEMANTAPAN PEGAWAI INTEGRITI TAHUN 2018

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) telah menganjurkan Mesyuarat Pemantapan Pegawai Integriti (MPPI) SPRM Tahun 2018 yang dihadiri seramai 44 orang Pegawai Integriti yang ditempatkan di Kementerian/Agensi dan GLC. Mesyuarat yang julung kali diadakan ini berlangsung selama tiga hari pada 28 – 30 November 2018 di The Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Ianya diadakan bertujuan untuk dijadikan sebagai platform kepada Pengurusan Tertinggi SPRM bagi mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi serta memutuskan mekanisme yang praktikal bagi mencapai objektif penubuhan Unit Integriti di Kementerian / Agensi dan GLC.



Delegasi daripada Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia telah membuat lawatan kerja ke Suruhanjaya

LAWATAN BENCHMARKING INTEGRITI KPK INDONESIA

(SPRM) pada 3-5 Disember 2018 yang bertujuan untuk saling mempelajari dan berkongsi usaha-usaha membanteras gejala rasuah di antara negara Indonesia dan Malaysia. Melalui lawatan ini pihak KPK berhasrat agar dapat mengadaptasi usaha SPRM dan menjadikan SPRM sebagai penanda aras dalam inisiatif penempatan pegawai integriti di unit-unit integriti di agensi luar yang disambut baik oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, YBhg. Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil. Dalam sesi lawatan 3 hari itu, delegasi telah dibawa ke beberapa agensi yang ditempatkan pegawai integriti seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Petronas selain turut di bawa melawat Bilik *Video Interview Room* (VIR), lokap, Mess Pegawai, MACC.FM disamping perkongsian ilmu melalui pembentangan oleh BPIA, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Bank Rakyat, dan Felcra Berhad.



INTEGRITI LESTARI

AKTIVITI INTEGRITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)



Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan beberapa aktiviti-aktiviti integriti seperti:

- i. Program Bicara Integriti;
- ii. Program Ziarah Integriti;
- iii. Kursus Pemantapan Sahsia dan SMART Integriti Siri 2;
- iv. Program Sambutan Hari Integriti Peringkat KKM; dan
- v. Program Breakfast Talk Integriti.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini bertujuan untuk memperkukuhkan integriti dan kesedaran penjawat awam dalam menjalankan tugas seharian dan memastikan pembudayaan dan penginstitutionan integriti di dalam organisasi. Ianya bukan sahaja melibatkan kakitangan kumpulan sokongan dan professional daripada Ibu Pejabat KKM bahkan kakitangan daripada fasiliti-fasiliti KKM.

Bank Rakyat telah melancarkan **Kempen "Rasuah Dihina Maruah Dihina"** yang dipaparkan di skrin *Automated Teller Machine* (ATM) Bank Rakyat selama setahun mulai 19 Disember 2018 dan juga **Pelancaran Saluran Aduan Pemberi Maklumat** melalui **Whistleblowing e-form** di dalam laman web rasmi Bank Rakyat pada Hari Integriti yang telah dirasmikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Bin Abdull pada 19 Disember 2018. Inisiatif ini menunjukkan cerminan ketelusan dan komitmen tinggi pihak kepimpinan Bank Rakyat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati kerana integritinya dan bukan kerana rasuahnya. Hari Integriti tersebut juga dipadatkan dengan Pidato Anti Rasuah, Forum Integriti dan Rasuah, dan Pocket Talk yang telah mengetengahkan topik-topik penting dalam usaha untuk mengekang perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti dari terus berlaku.

MESEJ ANTI-RASUAH DI SKRIN ATM / WHISTLEBLOWING E-FORM BANK RAKYAT



INTEGRITI LESTARI

AKTIVITI INTEGRITI FELCRA BHD.

Unit Integriti Felcra Berhad telah melaksanakan beberapa aktiviti di antaranya adalah **Jelajah Integriti** yang telah meliputi beberapa wilayah termasuk Felcra Berhad wilayah Selatan, Utara, Tengah, Timur, Sabah dan Sarawak. Jelajah Integriti ini bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai integriti dan juga pengetahuan berkaitan kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009 di kalangan staf FELCRA Berhad di peringkat Wilayah di samping pengisian Ikrar Bebas Rasuah oleh semua staf wilayah. Felcra Berhad juga telah mengadakan **Program Santai Integriti** bersama anak syarikat Felcra Berhad yang bertujuan untuk menerangkan peranan dan tanggungjawab Cawangan Integriti Felcra Berhad, menjelaskan tanggungjawab individu kakitangan bagi menyokong visi dan misi Felcra Berhad, memupuk nilai integriti dan sebagai platform untuk penyelesaian isu perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti. **Ikrar Aku Janji Pengurusan Tertinggi Felcra Berhad** juga telah diadakan pada 27 November 2018 bagi tujuan taat setia kepada organisasi dan seluruh kakitangan Felcra Berhad.



TREN BALUTAN MESEJ ANTI RASUAH KTMB

Unit Integriti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melancarkan Tren Balutan Mesej Anti-rasuah pada 11 Disember lalu bagi menyebarkan mesej anti-rasuah kepada segenap lapisan masyarakat. Pelancaran telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull dengan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Mohd Rani Hisham



Samsudin serta Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil. Tiga koc tren laluan Butterworth-Padang Besar dibalut dengan slogan SPRM, "Rasuah Dihina, Maruah Dibina". Menurut Mohd Rani Hisham Samsudin, laluan utara dipilih sebagai lokasi kempen disebabkan jumlah penumpang seramai 18,000 orang sehari, yang mana dapat menyebarkan mesej pencegahan rasuah kepada masyarakat dengan lebih berkesan. Dato' Sri Shukri Abdull yang sama-sama menaiki tren tersebut ke Bukit Mertajam sambil mengedarkan risalah anti-rasuah kepada penumpang memuji inisiatif KTMB ini kerana ianya berteraskan kos rendah tetapi berimpak tinggi.

AKU & INTEGRITI...

Sungguh bertuah aku dilahirkan di bumi yang penuh dengan kepelbagaian budaya serta kaya dengan hasil dari perut bumi. Nikmat yang aku kecap di negara ini dalam penuh rasa keamanan dan kesejahteraan sebagai warga yang merdeka. Tapi.....apakah sumbangan aku kepada pertiwi dalam senario masa kini.

Bertitik tolak daripada hal ini, aku suka berbicara berkaitan membina serta membentuk generasi baru negara iaitu anak-anak. Sebagai ibu bapa, apa yang selalu kita harapkan adalah anak-anak yang dibesarkan itu nanti mampu untuk menyumbang serta berbakti kepada negara.

Tapi untuk mencapai matlamat itu, aku perlukan satu bentuk keseimbangan agar bakat dan ilmu yang diasah mampu untuk membentuk insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Apa gunanya kepintaran jika akhirnya ia membentuk insan yang bijak tapi tidak takut melakukan kerosakan atau menindas orang lain.

Bertekad untuk membantu negara, aku gagahi diri ini dengan menjadi *role model* agar dapat dicontohi anak. Bermula dari peringkat awal kandungan aku telah memulakan langkah agar janin yang dibentuk mendapat makanan daripada sumber yang halal. Dalam erti kata lain, tidak curi tulang dan melaksanakan tugas dengan jujur serta amanah. Hasilnya, akan aku tuai pada hari gaji atau upah yang aku terima hasil daripada pekerjaan tersebut.

Saat bila anak aku dilahirkan, akan aku wariskan dengan ilmu serta pedoman sebagai benteng menjadi insan berwibawa. Percakapan serta tindakan aku, perlu sentiasa dijaga kerana segalanya sedang diamati dan terakam secara terus oleh insan kecil yang baru nak mengenali dunia.

Sifat semulajadi anak ialah mereka suka meniru segala bentuk perilaku yang dilakukan oleh ibu bapa. Inilah konsep *mentor mentee* yang berkesan kepada anak di peringkat awal kehidupan. Hal ini banyak dibuktikan melalui sikap anak itu sendiri melalui pemerhatian atau pengalaman langsung ibu bapa atau orang lain ketika berhadapan dengan mereka dalam pelbagai situasi.

Antara senario yang kita sendiri pernah lalui adalah keperluan untuk bercakap jujur bila berbicara, amanah dalam menjalankan tugas harian dan melakukan sesuatu yang menyalahi peraturan atau

undang-undang. Yang paling asas ialah kesalahan seperti memandu secara berbahaya, melanggar lampu isyarat merah dan tidak memakai tali pinggang keledar. Bahkan ada juga yang tidak dapat mengawal emosi seperti mencarut serta memarahi orang lain ketika memandu kenderaan serta membuang sampah ditempat yang tidak sepatutnya.

Segala tindakan kita dalam situasi ini akan mencerminkan siapa diri kita yang sebenar. Ianya juga menjadi pegangan serta ikutan anak-anak jika berhadapan dengan situasi yang sama. Inilah hal-hal rutin yang perlu dilalui oleh seorang individu seperti aku secara bersendirian atau ditemani oleh peminat kecil iaitu anak.

Justeru itu tanpa integriti aku pasti gagal menjadikan diri ini sebagai kamus yang baik untuk anak-anak. Atas dasar cinta dan sayang kepada pertiwi, aku perlu beringat agar integriti sentiasa perlu dijaga. Aku yakin dan percaya bahawasanya sumbangan kecil aku ini mampu membantu negaraku dalam melahirkan serta membentuk satu bangsa yang maju serta berakhlak demi untuk mengisi kekosongan serta kesinambungan hidup dalam negara maju dan berjaya yang bakal ditinggalkan oleh aku tanpa rasa risau dan ragu-ragu.

Semoga dengan nukilan ringkas ini, mampu untuk menyedarkan kita bahawasanya integriti itu begitu penting sehinggakan ianya dapat mencorak warna-warna kehidupan yang bakal disandang oleh generasi baru di masa hadapan.

Psk Ikhwan bin Mohd Ibrahim
SPRM Sarawak

Pihak BPIA mengucapkan ribuan terima kasih kepada penulis-penulis yang telah menyumbang karya kreatif integriti untuk dimuatnaik di dalam E-Buletin BPIA. Sekiranya hasil penulisan tidak dimuatkan di dalam edisi ini, ianya akan dimuatkan di dalam e-buletin edisi akan datang atau akan disimpan di dalam bank artikel untuk tujuan-tujuan perkongsian maklumat integriti melalui lain-lain medium di masa akan datang.

RASUAH ITU KEMISKINAN **JAUHI RASUAH** UNTUK MASA HADAPAN



LAPORKAN RASUAH



: 1-800-88-6000



: <https://portaladuan.sprm.gov.my>



SPRM

Terbitan :
Bahagian Pengurusan Integriti Dan Agensi (BPIA), SPRM
Aras 8, Blok B
No. 2, Lebu Wawasan
Presint 7, 62250, Putrajaya

Tel: 03-88910044 | Emel: urussetiaui@sprm.gov.my